

# **KREATIF DAN DESKRIPTIF: TIPS PENULISAN MUDAH**

**NIMOIZ T.Y**

**DR. TUAN SITI MASTAZAMEATUN**

**DR. AILA ABDUL LATIF**



Cetakan Pertama 2026  
Penerbitan Gabungan Penulis-Penulis Muda Negeri Kelantan (GEMA)  
Teks Pengarang dan GEMA 2026

Hak cipta terpelihara. Dibenarkan memetik atau mengambil mana-mana bahagian buku ini untuk tujuan penulisan ilmiah, kajian atau kritikan. Tetapi tidak dibenarkan jika untuk tujuan komersial, melainkan terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada penerbit.

Perpustakaan Negara Malaysia. Data Pengkatalogan- dalam- Penerbitan

Kreatif dan Deskriptif: Tips Penulisan Mudah  
ISBN 978-983-9428-72-8  
Buku. Judul. Kreatif dan Deskriptif: Tips Penulisan Mudah

Penyelenggara dan Ilustrasi Kulit Buku  
**DR. TUAN SITI MASTAZAMEATUN LONG TUAN KECHIK**



Diterbitkan oleh  
GABUNGAN PENULIS-PENULIS MUDA NEGERI KELANTAN (GEMA)  
No. 733 Bt 5 ½, Jalan Yahya Petra  
16150 Kota Bharu, Kelantan  
Tel: 019-9823312  
**RM30.00**

Dicetak oleh  
Far East Integrated Enterprise  
Jalan Raja Perempuan Zainab 2  
Kubang Kerian  
16150 Kota Bharu, Kelantan  
Tel: 011-17922673

# ISI KANDUNGAN

<b>1</b>	<b>KATA-KATA ALUAN</b>	
	Penyelenggara	iii
	Ketua 1 GEMA	iv
<b>2</b>	<b>SAJAK</b>	
	Apa itu Sajak?	2
	Tema	6
	Nada dan Suasana	8
	Nilai dan Pengajaran	9
	Aspek Gaya Bahasa	10
	Unsur Bunyi	14
	Makna dan Tafsiran	15
	Teknik Penulisan	18
	Penyuntingan dan Pemurnian	21
<b>3</b>	<b>CERPEN</b>	
	Definisi	24
	Tema dan Isu yang Membina Tajuk	25
	Plot, Watak, Latar, Klimaks	26
	Penulisan Draf yang Bijak	30
	Kepentingan Pemurnian Hasil Karya	33

i

# ISI KANDUNGAN

<b>4</b>	<b>RENCANA</b>	
	Pengenalan	41
	Tujuan Penulisan Rencana	42
	Jenis-jenis Rencana	42
	Memahami Elemen Subjektif dan Halus dalam Penulisan Rencana	51
	Kredibiliti Penulisan Rencana yang Baik	52
	Model Penulisan Rencana Mesra Editor	55
	Etika dan Impak Sosial Penulisan Rencana	58
<b>5</b>	<b>PENUTUP</b>	
	Rumusan	60
	Biodata Penulis	62
	Lampiran	
	Sajak	67
	Cerpén	68
	Rencana	76

ii

## KATA ALUAN PENYELENGGARA

Bismillahirrahmaanirrahim.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Alhamdulillah, penerbitan buku panduan penulisan sulung yang diterbitkan oleh Gabungan Penulis-penulis Muda Negeri Kelantan (GEMA) ini berjaya disempurnakan sebagaimana yang dijadualkan, bersempena dengan penganjuran Bengkel Penulisan Kreatif dan Deskriptif 2026 oleh GEMA dan Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Timur (DBPWT).

Pihak penyelenggara ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada para penulis yang terlibat dalam sumbangan idea dan bimbingan secara berdokumentasi ini, iaitu En. Nik Mohd Iznán Tuan Yaakub (Nimoiz T.Y), Dr. Aila Abdul Latif, dan Dr. Tuan Siti Mastazameatun Long Tuan Kechik.

Penyelenggara amat berharap agar isi kandungan buku ini memberikan manfaat kepada masyarakat umum, terutamanya para penulis pemula, pelajar, pendidik, dan individu yang mahu memantapkan kemahiran sendiri penulisan dalam genre sajak, cerpen, atau rencana.

Isi kandungan buku yang merujuk kepada tips mudah dalam penulisan kreatif dan deskriptif telah ditulis dengan bahasa yang mudah untuk dikuasai dengan pantas oleh pembaca. Selain itu, lampiran beberapa karya penulisan oleh para penulis yang terlibat dengan buku ini turut dikongsikan sebagai contoh penulisan yang boleh dirujuk dari semasa ke semasa.

Selain itu, penyelenggara turut melayangkan ucapan penghargaan kepada pihak GEMA kerana memberikan kepercayaan kepada para penulis untuk menyumbang kepada penerbitan buku ini. Diharapkan semoga GEMA akan terus aktif dalam penerbitan buku-buku bimbingan sebegini pada masa hadapan bagi melestarikan penulisan berkualiti dan berimpak dalam kalangan penulis.

Justeru, diharapkan buku panduan ini dapat menjadi titik tolak kepada lebih banyak karya kreatif yang berkualiti, serta membantu memperkayakan dunia penulisan tanah air. Dengan adanya panduan ini, kami percaya para penulis akan lebih berkeyakinan untuk meneroka pelbagai gaya dan teknik penulisan yang mungkin belum pernah dicuba sebelumnya.

Semoga usaha ini mendapat keberkatan dan mendorong lebih ramai individu untuk menceburi bidang penulisan dengan lebih serius, seterusnya menyumbang kepada perkembangan budaya literasi di Malaysia. Kami menantikan maklum balas serta sokongan berterusan dari semua pihak untuk bersama-sama memartabatkan industri penulisan ini.

Sekian, terima kasih.

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**DR. TUAN SITI MASTAZAMEATUN**  
Penyelenggara

iii

## KATA ALUAN KETUA 1 GEMA

Bismillahirrahmaanirrahim.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Segala puji bagi Allah SWT, saya dengan penuh rasa syukur ingin merakamkan setinggi-tinggi rasa penghargaan kepada para penulis yang telah sudi bekerjasama bagi penghasilan buku tips penulisan mudah ini, yang merupakan penerbitan sulung Gabungan Penulis-penulis Muda Negeri Kelantan (GEMA) bagi buku modul. Terima kasih kepada En. Nik Mohd Iznán Tuan Yaakub atau masyhur dengan nama pena beliau, Nimoiz T.Y, Prof. Madya Dr. Aila Abdul Latif, pensyarah di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), dan Dr. Tuan Siti Mastazameatun Long Tuan Kechik, pensyarah Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) serta merangkap Ketua Penerangan GEMA, atas sumbangan mereka yang tidak ternilai.

Penghasilan buku ini adalah bersempena dengan penganjuran Bengkel Penulisan Kreatif dan Deskriptif 2026 yang dianjurkan bersama oleh GEMA dan Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Timur (DBPWT), bermula pada 16 Januari 2026 sehingga 07 Februari 2026, pada setiap hari Jumaat dan Sabtu. Maka, penghasilan buku ini adalah sebagai usaha kompilasi terhadap tips-tips asas bagi penulisan puisi, cerpen dan rencana. Harapan saya adalah agar kandungan yang dikongsi dapat dimanfaatkan oleh semua yang memilikinya.

Pada setiap tahun, GEMA istiqamah dalam penganjuran bengkel penulisan tersebut dan telah menjemput ramai sasterawan negara/ negeri, tokoh-tokoh penulis, editor media massa, dan ahli akademik untuk membimbing para peserta dalam bidang penulisan kreatif dan deskriptif. Matlamat GEMA adalah bagi melahirkan lebih ramai penulis mapan yang mampu membentuk kelestarian sastera tanah air agar mampu membina masyarakat bijaksana pada masa hadapan.

Semoga penerbitan buku ini mampu menyumbang kepada perkembangan budaya literasi di Malaysia. Kami menantikan maklum balas dan sokongan berterusan daripada semua pihak untuk bersama-sama memartabatkan industri penulisan tanah air.

Sekian, terima kasih.

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**ZAINAL ABIDIN MUHAMAD**  
Ketua 1 GEMA

iv

DR. AILA ABDUL LATIF

# RENCANA



# R E N C A N A

## PENGENALAN

Penulisan berbentuk analisis atau kupasan isu semasa, sosial, akademik atau pemikiran. Ianya menggabungkan fakta, pandangan penulis mahupun hasil interpretasi yang rasional.

Dalam landskap penulisan umum, penulisan sesebuah rencana bertujuan mencetuskan pemahaman, renungan atau wacana awam. Oleh itu, rencana berperanan penting dalam membentuk pemikiran awam.

Ciri penulisannya perlu lebih mendalam berbanding berita, tetapi tidak seformal kertas akademik. Secara ringkas, rencana boleh diibaratkan sebagai satu bentuk penulisan perantara (tidak terlalu ringkas seperti berita dan tidak pula sepadat buku), yang membincangkan topik-topik serius, berasaskan fakta atau situasi semasa.

Menariknya, penulisan rencana tidak berpaksikan seni keindahan bahasa yang kreatif atau imaginatif, sebaliknya seni penyampaian yang berkesan dan menekankan kejelasan hujah dalam mengupas sesuatu isu yang diperkatakan.

Penulisan rencana boleh menjadi sedikit mencabar dan penulis perlu lebih berhati-hati kerana melibatkan penggunaan jargon atau istilah khusus yang penggunaannya berbeza mengikut bidang. Apatah lagi, bagi rencana-rencana yang dikategorikan berimpak tinggi, mensasarkan untuk bacaan dan rujukan di sektor-sektor pada tahap kritis yang tertentu (pelabur, duta-duta kerajaan, mahasiswa, dan sebagainya).

Sebagai contoh, istilah dalam bidang saham, kewangan teknologi, atau korporat perlu dimasukkan untuk menguatkan hujah, walaupun istilah ini kurang difahami oleh masyarakat umum. Oleh itu, penulis perlu membiasakan diri atau 'well-versed' dengan konsep dan istilah yang mungkin nampak sukar bagi kebanyakan orang, tetapi biasa bagi mereka yang terbabit secara langsung dalam isu yang sedang dibincangkan.

Oleh itu, adalah amat penting untuk seseorang penulis rencana itu mempunyai asas pengetahuan terhadap isu yang ditulis. Kefahaman yang tepat akan dapat dirasai bagi memastikan penulis dapat memilih bentuk penyampaian yang selari dengan konteks isu, khalayak pembaca (audiens) dan matlamat penyampaian wacana.

Bidang	Contoh Istilah Popular
Komputer / IT	User interface, firewall, cloud
Saham/Korporat	Dividen, Portfolio, CEO, CFO
Guaman / Undang-undang	Plaintif, Defendan, Kontrak, Akta
Percukaian / Tax	GST / SST, Pelepasan, Penyata Cukai

## TUJUAN PENULISAN RENCANA

- Memberi pencerahan terhadap isu yang kompleks atau sensitif.
- Mempengaruhi pemikiran pembaca secara berhemah dan berfakta.
- Membangunkan wacana intelektual dan kesedaran masyarakat.
- Menjadi medium suara profesional, akademik atau pemikir awam.

## JENIS-JENIS RENCANA

Dalam penulisan rencana, pendekatan dan gaya penulisan boleh berbeza mengikut tujuan serta sudut pandang penulis.

Perbezaan ini melahirkan beberapa jenis rencana yang berfungsi untuk menghuraikan isu dari pelbagai dimensi, sama ada melalui analisis mendalam, pengemukaan pendapat, renungan pengalaman (refleksi), mahupun pentafsiran data dan fenomena sosial.



### a) Contoh Rencana Analisis



Rencana analisis menumpukan kepada mengupas sebab, kesan dan implikasi sesuatu isu supaya pembaca benar-benar faham apa yang berlaku di sebalik fakta. Berbeza dengan berita yang hanya melaporkan apa yang terjadi, rencana ini menilai isu dari pelbagai sudut dan memberi gambaran lebih menyeluruh.

Kekuatan rencana analisis terletak pada cara atau pendekatan penulis menghubungkan punca dan akibat, serta menunjukkan bagaimana sesuatu keputusan atau peristiwa memberi kesan kepada masyarakat, ekonomi atau dasar kerajaan.

Penerangan penulis inilah yang akan membantu pembaca berfikir secara kritikal dan membuat penilaian sendiri, bukannya sekadar menerima maklumat mentah.

Walaupun menyusun hujah dan interpretasi, penulis mesti berpegang pada fakta dan bukti, supaya kesimpulan yang dibentangkan tepat dan boleh dipercayai. Rencana analisis bukan sekadar pendapat, tetapi hujah yang disokong logik dan data.

Contoh pendekatan:

- Menilai belanjawan tahunan dan kesannya kepada belia, usahawan kecil dan ekonomi secara keseluruhan.
- Menganalisis bencana alam, termasuk kesan sosial dan ekonomi serta keberkesanan langkah pemulihan.
- Mengupas keputusan pilihan raya, faktor kemenangan parti, corak pengundian dan impaknya kepada dasar dan masyarakat.
- Menilai dasar kerajaan dalam peralihan daripada ekonomi tradisional kepada ekonomi pengetahuan, ekonomi hijau dan tenaga diperbaharui, termasuk implikasi jangka panjang terhadap kesejahteraan rakyat dan pembangunan modal insan.

b) Contoh Rencana Pendapat



Rencana pendapat menampilkan pandangan kritis penulis mengenai sesuatu isu, disokong oleh hujah, fakta dan pengalaman. Berbeza dengan rencana analisis yang menekankan sebab dan kesan, rencana pendapat lebih menonjolkan suara penulis dan penilaian beliau terhadap sesuatu isu, dengan berpegang pada fakta maklumat yang sahih.

Kekuatan rencana pendapat terletak pada kejelasan pendirian dan kemampuan penulis meyakinkan pembaca melalui hujah yang logik, data yang relevan, serta contoh atau pengalaman yang menyokong pandangannya.

Biasanya, rencana pendapat memberi kelebihan kepada seseorang yang dianggap mempunyai suara yang boleh didengar berdasarkan kelayakannya, kepakaran, bidang kuasa dan asas untuk bersuara. Ia memberi ruang untuk penulis menzahirkan nilai, prinsip atau perspektif individu mengikut kapasitinya, selari dengan isu semasa.

Contoh pendekatan rencana pendapat:

- Pandangan seorang kolumnis jempunan tentang kepentingan pendidikan digital bagi generasi muda dalam menghadapi ekonomi berasaskan teknologi.
- Pandangan seorang pakar ekonomi mengenai perlunya dasar fiskal inklusif dalam belanjawan tahunan, supaya golongan miskin dan belia mendapat manfaat.
- Pendapat pengarang atau wartawan kanan (senior) tentang isu sosio-masyarakat yang kian meruncing, menekankan tanggungjawab pihak berkuasa dan peranan komuniti.
- Pandangan tentang pilihan raya dan integriti politik, mengupas kesan dasar kerajaan terhadap kehidupan rakyat sambil menyatakan pendirian penulis secara jelas.

Di kebanyakan negara, industri media dan akhbar berfungsi sebagai medan strategik untuk membentuk pemikiran kepimpinan industri melalui perkongsian ilmu semasa dan pengalaman sebenar di lapangan. Ruangan kolumnis pendapat sering diisi oleh pemain industri yang terlibat secara langsung dengan cabaran, keputusan dan hala tuju sektor masing-masing.

Kepakaran atau pengalaman luas dalam bidang masing-masing, suara mereka dianggap berwibawa dan bernas dan penulisan mereka biasanya berlandaskan fakta dan analisis, bukan sekadar pandangan peribadi.

Keupayaan ini akan menterjemahkan realiti industri kepada analisis yang berfakta dan berpandangan jauh menjadikan penulisan mereka bukan sahaja berwibawa, malah berpengaruh dalam membentuk wacana awam dan dasar. Konsistensi pemikiran, kredibiliti profesional serta ketajaman analisis turut membina kepercayaan kolumnis ini sebagai rujukan kepimpinan dan pemikiran strategik.



Sumber: Tangkap layar dari kolom-kolum yang mempamerkan tulisan tokoh tertentu di media umum

Akan tetapi, perkembangan media massa hari ini memerlukan penulis muda dari pelbagai bidang untuk mula berkongsi pengetahuan mereka. Walaupun bukan tokoh terkenal atau pemimpin industri, golongan seperti ahli profesional industri, penganalisis, teknokrat muda, wartawan atau pakar bidang tertentu boleh menyumbang dalam rencana pendapat dengan penyampaian yang memperkaya pemahaman pembaca dan membuka perspektif baru.

Ini menjadi lebih penting kerana bilangan isu dan kolum, terutama yang berteraskan peristiwa-peristiwa penting seperti pilihan raya, tragedi keselamatan dan acara antarabangsa, semakin berkembang, justeru lebih banyak ulasan daripada pelbagai perspektif diperlukan. Tokoh berpengalaman dan pemimpin kanan pula penglibatannya agak terhad dalam penulisan rencana kerana komitmen dan tanggungjawab mereka di peringkat atasan lebih besar. Namun, penulis muda mesti mempunyai asas pengetahuan yang kukuh untuk bersuara dan mengemukakan pendapat mengenai topik yang berat dan serius.

c) Contoh Rencana Reflektif



Rencana reflektif boleh ditulis dalam bentuk catatan wartawan yang berada di lokasi tragedi, bencana atau peristiwa kemanusiaan, dengan syarat fokusnya bukan sekadar melaporkan fakta kejadian (seperti berita), tetapi merenung makna, kesan dan kemanusiaan di sebalik peristiwa tersebut.

Agak menarik dari segi originaliti (keaslian) karya tulisan melalui sesebuah rencana yang berbentuk reflektif kerana ianya unik dan tidak sama dengan pengalaman orang lain secara umum. Ini kerana penulisan dan pengamatan berasaskan pengalaman langsung wartawan di lapangan.

Rencana sebegini dilihat dan dinilai lebih tulus, menyentuh dimensi kemanusiaan, emosi dan renungan kritikal. Fakta kekal tepat, tetapi naratifnya bersifat refleksi. Ianya tidak boleh terlalu bersifat sensasi, apatah lagi mengeksploitasi penderitaan mangsa.

Contoh pendekatan:

- Catatan wartawan di lokasi banjir lumpur di Aceh (2025) yang merakam keletihan mangsa dan sukarelawan yang akses terhad, dikaitkan dengan persoalan dasar dan isu punca, juga merenung empati dan kemanusiaan.
- Catatan tragedi pesawat MH370 (2014) – kehilangan pesawat yang mengejutkan rakyat Malaysia dan dunia, sesuai untuk menulis rencana refleksi tentang kehilangan, harapan dan pengurusan krisis.
- Renungan selepas menemu bual keluarga mangsa di tragedi kapal selam Nanggala-402 (2021) pula dikaitkan dengan kesiapsiagaan bencana negara yang berkait dengan pengorbanan anak kapal, latihan profesional dalam bidang keselamatan laut serta solidariti antarabangsa.

49

## MEMAHAMI ELEMEN SUBJEKTIF DAN HALUS DALAM PENULISAN RENCANA

Dalam penulisan rencana, elemen subjektif dan halus memainkan peranan penting kerana rencana bukan sekadar untuk memaparkan fakta atau angka statistik semata-mata. Subjektiviti membolehkan penulis menambah kedalaman, perspektif dan interpretasi yang membezakan tulisan berwibawa daripada pandangan orang awam. Dengan menyertakan sudut pandang yang bijak dan reflektif, penulis bukan sahaja meningkatkan impak intelektual rencana itu, malah membina kredibiliti dan 'authority' mereka sebagai pengulas atau pemerhati isu.

Penulisan rencana yang berkualiti tinggi memancarkan kelas tersendiri kerana ia bukan sekadar menyampaikan maklumat, tetapi juga memikat pembaca melalui naratif yang bijak, bahasa yang tepat dan penyampaian yang tersusun. Rencana yang 'classy' menunjukkan kemampuan penulis mengolah fakta, pengalaman dan pandangan peribadi secara harmoni, menghasilkan tulisan yang berwibawa, bernas dan memberi kesan jangka panjang kepada pembaca. Ia mencerminkan kecerdasan, kepekaan sosial dan kemahiran intelektual penulis, sekaligus membezakan karya tersebut daripada penulisan biasa atau sekadar laporan berita.

Oleh itu, dalam memastikan elemen halus dalam penulisan rencana berkesan, penulis perlu mengimbangi nilai, kepercayaan dan sudut pandang, menyuntik emosi, empati dan sensitiviti sosial, mengolah makna, simbol dan implikasi tersirat, serta menyeimbangkannya dengan logik dan fakta agar tulisan tidak condong atau bias.

51

- Pengalaman wartawan meliputi tragedi kemalangan besar dan refleksi tentang nilai nyawa serta tanggungjawab sosial.

d) Contoh Rencana Interpretif



Rencana Interpretif pula menumpukan kepada mentafsir data, dasar atau fenomena sosial supaya pembaca lebih faham maksud dan implikasinya. Berbeza dengan rencana analisis, rencana ini bukan sekadar mengupas 'sebab dan akibat', tetapi menjelaskan apa yang makna di sebalik fakta dan angka.

Kekuatan rencana interpretif ialah mengubah maklumat kompleks menjadi mudah difahami, membantu pembaca melihat trend, pola corak atau kesan sesuatu isu dengan jelas.

Contoh pendekatan:

- Mentafsir corak pengundian pilihan raya dan implikasinya terhadap dasar kerajaan.
- Menganalisa data ekonomi pasca-pandemik dan impaknya kepada masyarakat dan perniagaan.
- Mengupas pola sosial seperti media digital dan kesannya terhadap tekanan mental dan interaksi masyarakat.
- Menjelaskan kesan dasar kerajaan atau korporat dengan fakta dan statistik untuk menunjukkan impak sebenar kepada rakyat.

50

## KREDIBILITI PENULISAN RENCANA YANG BAIK

Selain dari seni penyampaian melalui nilai pemikiran, penulis rencana perlu membina keyakinan pembaca melalui pendekatan penulisan yang bertanggungjawab, berfakta dan beretika. Dalam penulisan rencana, hujah yang dikemukakan bukan sahaja meyakinkan, tetapi juga dihormati sebagai wacana intelektual yang berkualiti.

Rencana bukan sekadar tentang topik, isu atau tahap kefahaman yang ingin disampaikan, tetapi turut mencerminkan siapa penceritanya. Pembaca menilai bukan sahaja kandungan, malah latar, konsistensi dan ketekalan suara penulis itu sendiri.

Tidak logik untuk mengharapkan seorang penulis menguasai semua skop besar seperti ekonomi, politik, undang-undang, agama, teknologi, jenayah dan sosio-budaya serentak, kerana setiap bidang menuntut pengkhususan, pengalaman dan sudut pandang yang berbeza. Justeru, pemilihan genre dan fokus penulisan menjadi asas penting dalam pembinaan kredibiliti.

52

**Tip 1: Fokus untuk Membina Kredibiliti**

Tidak salah untuk mencuba menulis dalam pelbagai bidang, namun terlalu banyak percubaan di banyak cabang atau genre boleh melambatkan proses pematangan dan pembinaan kredibiliti dalam cabang tertentu. Bagi penulis muda khususnya, kenal pasti satu atau dua bidang yang benar-benar selari dengan bakat dan kekuatan semula jadi anda. Elakkan menulis secara terlalu dipaksa kerana bakat, keaslian, dan mutu sentuhan pemikiran yang halus akan lebih mudah dirasakan pembaca melalui penulisan anda.

✓ **Tip 2: Tentukan Identiti dan Jenama Anda**

Fikirkan dengan jelas bagaimana anda ingin dikenali dan diingat suatu masa sebagai penulis dalam konteks identiti yang bagaimana, dalam bidang apa dan dengan suara pemikiran yang matang. Kejelasan ini penting untuk membina jenama peribadi dalam arena penulisan rencana yang akan berkembang dari semasa ke semasa.

✓ **Tip 3: Pilih Ruang yang 'Kurang Sesak'**

Carilah sudut atau bidang yang tidak terlalu sarat dengan lambakan penulis amatour yang mengulas tentang perkara yang sama. Pendekatan ini memberi ruang kepada suara anda untuk lebih mudah diberi perhatian tanpa persaingan yang tidak perlu.

✓ **Tip 4: Manfaatkan Kelebihan Multidisiplin**

Sekiranya anda memiliki pelbagai kelayakan rentas bidang atau lulusan multidisiplin, anda beruntung kerana tidak perlu bersusah-payah menajamkan pengetahuan asas. Perhatikanlah satu bidang yang sentiasa mendapat permintaan tinggi daripada editor dan Ketua Pengarang. Apabila peluang itu muncul secara konsisten, besar kemungkinan itulah laluan penulisan yang paling sesuai dan sedang terbuka untuk anda.

Kredibiliti tidak lahir secara segera, tetapi dibina secara berperingkat melalui masa, hasil daripada bilangan ulasan yang konsisten dalam bidang yang sama. Semakin kerap seorang penulis menulis tentang isu berkaitan, semakin tajam analisisnya, semakin matang bahasa dan semakin mendalam kefahamannya terhadap konteks. Pengalaman ini akhirnya membentuk identiti intelektual penulis yang dikenali dan dipercayai pembaca.

Bayangkan pula jika seorang penulis menulis secara "rojak", hari ini mengulas dasar ekonomi, esok undang-undang jenayah, lusa isu geopolitik, tanpa asas, fokus atau kesinambungan. Tulisan mungkin kelihatan aktif dan pelbagai, tetapi sukar membina kepercayaan jangka panjang. Pembaca akan keliru tentang kepakaran sebenar penulis dan rencana yang terhasil mudah dilihat sebagai pandangan umum, bukan analisis berwibawa. Dalam dunia penulisan rencana, kedalaman lebih bernilai daripada keluasan, dan konsistensi jauh lebih penting daripada sekadar kuantiti.

Oleh itu, kredibiliti merupakan asas penting dalam penulisan rencana yang berkesan dan berwibawa. Tanpa kredibiliti, sesebuah rencana mudah dilihat sebagai pandangan peribadi semata-mata, sekali gus menjejaskan kepercayaan pembaca. Namun, bagaimana kita hendak membina kredibiliti tersebut?

- Berasaskan sumber yang sahih dan boleh dipercayai.
- Hujah disusun secara logik, konsisten dan tidak bercanggah.
- Bahasa profesional, beretika dan tidak bersifat provokatif kosong.
- Ketelusan penulis dalam membezakan fakta dan pandangan peribadi.

No.	Langkah	Contoh Rencana	Tips
4)	Cari dan letakkan posisi anda (sudut pandang) untuk memastikan hujah yang tepat.	Bagi seorang pelajar universiti, Belanjawan Negara ini amat berkait langsung dengan kehidupan harian mereka daripada bantuan kewangan pendidikan, peluang biasiswa dan latihan industri, hinggalah kos pengangkutan dan makanan yang semakin meningkat. Apabila peruntukan kepada pendidikan tinggi, kebolehasaran graduan dan sokongan kos sara hidup dimumumkan, tanpa sedar belanjawan itu sebenarnya sedang membentuk kualiti pengalaman belajar serta peluang kerjaya pelajar selepas tamat pengajian.	Dalam perenggan yang diberikan, kedudukan penulis sebagai penyampai POV (Point of View / sudut pandang) bersifat pihak ketiga yang reflektif dan analitik. Penulis tidak memasukkan diri secara langsung dengan kata ganti seperti "saya" atau "kami", tetapi menulis dari sudut pandang seorang pemerhati yang memahami keadaan pelajar, menyampaikan fakta dan tafsiran (kaitan kos sara hidup, biasiswa, peluang kerjaya) secara analitik dan berimbang, bukan sekadar laporan.
5)	Analisa dan kembangkan hujah secara kritikal.	Menurut Indeks Harga Pengguna (CPI) Malaysia 2025, kategori makanan dan minuman meningkat sebanyak 4.2% setahun, manakala perbelanjaan isi rumah bagi pelajar universiti meningkat purata RM250-RM300 sebulan. Di samping itu, Belanjawan Negara 2025 memperuntukkan RM500 juta untuk bantuan pendidikan tinggi termasuk biasiswa dan pinjaman pendidikan, menunjukkan usaha kerajaan menangani tekanan kos sara hidup dalam kalangan pelajar.	Pemahaman kritikal terhadap implikasi belanjawan membolehkan pembaca bukan sahaja menerima fakta, tetapi juga menilai keberkesanan dasar secara menyeluruh dan membina pandangan yang berinformasi. Penutup yang berimpak menuntut pembaca berfikir: adakah dasar yang dirangka sudah mencukupi untuk membina masa depan inklusif dan berdaya tahan.
6)	Tutup perbincangan dengan pengakhir yang berimpak.	Dengan menilai kesan dari bantuan pendidikan hingga peluang kerjaya graduan, kita menyedari bahawa kejayaan belanjawan bukan hanya terletak pada peruntukan, tetapi pada impak nyata yang dirasakan oleh rakyat. Hal ini bermakna setiap ringgit yang diperuntukkan perlu dianalisis dari perspektif keberkesanan adakah ia benar-benar sampai kepada golongan yang memerlukan dan menyelesaikan masalah mereka.	



## ETIKA DAN IMPAK SOSIAL PENULISAN RENCANA

Penulisan rencana bukan sekadar menyampaikan maklumat atau pandangan peribadi, tetapi turut membawa tanggungjawab sosial dan etika. Setiap perkataan dan cara penyampaian mempunyai kesan terhadap pembaca, wacana awam, serta persepsi masyarakat terhadap isu yang dibincangkan. Justeru, sebelum menulis, penulis perlu sedar tentang implikasi sosial, kepekaan budaya dan integriti kandungan, supaya rencana bukan sahaja informatif, tetapi juga membina dan memberi impak positif. Beberapa panduan yang boleh diikuti bagi memastikan rencana disampaikan secara bertanggungjawab dan beretika. Antaranya ialah:

- Sentiasa mengingatkan diri bahawa sebagai penulis, nilai menghormati kepelbagaian budaya, agama dan latar masyarakat perlu dijaga agar tulisan kekal relevan dan tidak menyinggung mana-mana pihak.
- Teliti dan berhati-hati dalam mencari fakta sahih dan sumber boleh dipercayai untuk menyokong hujah, supaya rencana dipercayai dan berwibawa.
- Gunakan bahasa profesional dan beretika, kerana bahasa kasar atau menyerang boleh menjejaskan reputasi dan kredibiliti penulis.
- Sedar dan bertanggungjawab terhadap kesan tulisan terhadap pembaca, kerana rencana yang tergesa-gesa atau tidak berhati-hati boleh membentuk persepsi salah atau menimbulkan ketegangan sosial.
- Fokuskan rencana sebagai alat membina, bukan merosakkan, untuk membantu pembaca memahami isu dengan jelas.

- Elak fitnah, stereotaip atau generalisasi melampau, kerana reputasi penulis boleh hilang jika fakta dipertikai.
- Jangan manipulasi emosi pembaca untuk kepentingan peribadi, kerana ia boleh menimbulkan rasa marah, kecewa dan hilang hormat.
- Pastikan tulisan seimbang dan adil, supaya pembaca menerima pandangan bernas dari pelbagai perspektif dan tulisan boleh dijadikan rujukan atau bukti pada masa akan datang.

## RUMUSAN

## BIODATA PENULIS

**Dr Aila Abdul Latif** merupakan professor madya dalam bidang ilmu pengurusan, juga seorang penulis buku, felo industri, kolumnis akhbar dan pengulas media. Beliau merupakan graduan Sarjana Muda Pengurusan (Teknologi) dari UTM Skudai Johor dan memperolehi Sarjana Sains (Pengurusan) dari Putra Business School, UPM Serdang. Beliau telah berjaya menamatkan pengajiannya Doktor Falsafah dalam bidang Pengurusan dari RMIT University, Melbourne Australia. Sejak tahun 2001, beliau telah memulakan kariernya di institusi pengajian tinggi di UNIMAS. Beliau berpengalaman dalam bidang pengajaran, penyelidikan dan penyeliaan pasca-siswazah. Setakat ini, beliau mempunyai seramai 13 orang anak didiknya yang telah berjaya bergraduat di peringkat doktor falsafah. Penampilan pertama beliau sebagai pengacara program bual-bicara di TVS (Astro saluran 122) sebanyak 13 episod. Sehingga kini, beliau aktif sebagai pengulas media massa tempatan berkaitan pengurusan organisasi dan pembangunan sosio-ekonomi masyarakat. Berpengalaman dalam penulisan ilmiah pelbagai medium lebih daripada 200 terbitan berbeza (antaranya 45 artikel jurnal, 4 buku, 12 bab dalam buku, 92 rencana, 41 prosiding persidangan dalam dan luar negara, dan lain-lain). Antara anugerah pencapaian beliau ialah Personaliti Hari Wanita Sarawak (Women in Innovation & Technology) 2024, Best Paper Award SMICBES Bali Indonesia 2018, Best of the Best Award in Professional Social Science IID 2018, Anugerah Akademik Harapan 2014 UNIMAS, Anugerah Anak Sarawak 2012, Business Portfolio International Postgraduate Research Award 2008, Melbourne, Australia dan Golden Key International Award 2000.

E-mel: [alhamrila@unimas.my](mailto:alhamrila@unimas.my)

Facebook: <https://www.facebook.com/ailaabdulatif/>

IG: <https://www.instagram.com/ailaabdulatif/>

LinkedIn: <https://www.linkedin.com/in/aila-abdul-latif/>

## LAMPIRAN